

Metro Ahad - 17.11.2019

lokal



## Anak petani rangkul Anugerah Pelajaran Diraja

AL-SULTAN Abdullah menyerahkan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) kepada Umi Fatiha sempena Majlis Konvokesyen ke-14 UMP Kampus Gambang.

**Kuantan:** "Ayah selalu cakap yang dia hanya boleh beri ilmu akhirat kepada semua anaknya, namun ilmu dunia kami kena cari sendiri.

"Ayah hanya petani tetapi sangat mementingkan disiplin, kejayaan ini bukan milik saya seorang tetapi turut menjadi milik ayah," kata graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Umi Fatiha Md Kosnin @ Md Seropil.

Graduan Sarjana Muda Sains Gunaan Teknologi Bahan itu adalah penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen UMP ke-14 semalam.

Katanya, bapanya, Md Kosnin @ Md Seropil Lamneo, 71, menjadi sumber kekuatannya untuk berjaya sehingga meraih Anugerah Dekan selama tujuh semester.

"Setiap kali kuliah, saya akan rakam audio apa yang pensyarah ajar dan selepas tamat kuliah, saya akan dengar semula untuk lebih faham.

"Saya bertuah kerana menerima skrol yang disampaikan sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) hari ini (semalam)," katanya.